

Bekas pekerja kilang terima 14 tahun

Turut kena tujuh sebatan sebagai balasan merompak, rogol

Foto: ADB LATIFF ZAKARIA

SALWA SHA'ARI

SHAH ALAM - Seorang pekerja kilang menangis selepas Mahkamah Sesyen di sini, semalam, menjatuhkan hukuman penjara 14 tahun dan lima sebatan kerana didapati bersalah merogol seorang penyelia, tujuh tahun lalu.

Hakim Hasbi Hasan juga menjatuhkan hukuman penjara 10 tahun dan dua sebatan terhadap Khairol Ashar Mohd Salleh, 26, bagi kesalahan merompak mangsa yang semasa kejadian berusia 38 tahun.

Hukuman penjara diarahkan bermula semalam dan berjalan serentak memandangkan tertuduh dibebaskan dengan jaminan sehingga disabitkan bersalah pada 25 Februari lalu.

Pada penghakimannya, Hasbi berkata, mahkamah bertanggungjawab menyekat kejadian rompak dan rogol yang semakin berleluasa dan menyebabkan masyarakat tidak rasa selamat di rumah sendiri.

"Cara kesalahan dilakukan kamu dan rakan jenayah kamu yang telah meninggal dunia menunjukkan perbuatan yang sangat tidak berperikemanusiaan," katanya.

Tertuduh, anak keempat dari lima beradik memohon diberikan hukuman ringan atas alasan ingin menjaga ayahnya kerana tidak berkesempatan menjaga ibunya yang meninggal dunia pada 2003.

"Semasa kejadian, saya berusia 19 tahun dan tidak berfikiran matang. Saya tidak sempat jumpa emak yang meninggal dunia semasa saya direman di Penjara

Sungai Buloh, dekat sini," katanya.

Pada tahun sama, dia didakwa merogol dan merompak mangsa bersenjata pisau pada jam 3.15 pagi, 12 Jun 2003 di rumah di Kawasan Bukit Beruntung, Hulu Selangor, dekat sini.

Dia didakwa melarikan RM200, tiga rantai leher emas, loket emas (2), subang emas (3), gelang kaki emas (1) dan 10 cincin emas, kerongsang emas (1), gelang tangan emas (4), rantai tangan (1), telefon bimbit Nokia 3210 dan kad sim.

Kerugian bernilai RM8,000.

Timbalan Pendakwa Raya, Suzana Abdul Latiff membidas rayuan tertuduh atas alasan, tertuduh sepatutnya berfikiran matang pada usia itu.

"Tidak cukup dengan merompak, tertuduh turut merogol tanpa



● Khairol Ashar (tengah) didapati salah merogol dan merompak, semalam.

belas kasihan. Tertuduh tidak layak mendapat simpati mahkamah. Jika berani melakukan kesalahan, haruslah bersedia menerima kesannya," katanya.

Perbicaraan bermula 4 Oktober 2006 melibatkan 19 saksi pendakwaan. Tertuduh membela diri pada 16 Jun 2006 dengan dua saksi pembelaan.